

MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia – Registration No.: 200001022382 (524989-M))

Berita Harian – Monday, 07 November 2022 **(A)**

Tadbir urus syarikat senaraian awam pada 2021 meningkat

Penilaian tadbir urus korporat (CG) 2021 oleh Kumpulan Peman-tau Pemegang Saham Minoriti (MSWG) mendapati 864 syarikat senaraian awam (PLC) Malaysia mencatatkan Skor CG keseluruhan yang lebih baik iaitu 83.58 mata daripada skor maksimum boleh capai sebanyak 130 mata.

Menurut kenyataan MSWG, prestasi berdasarkan penilaian yang menggunakan Kad Skor CG ASEAN (ACGS) itu adalah peningkatan 5.4 peratus daripada 79.28 mata yang dicatatkan PLC pada 2020.

“Penilaian 2021 adalah berdasarkan pendedahan dalam laporan tahunan terkini, laporan CG dan laporan kemampunan bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2020 hingga 31 Mac 2021.

“Sumber maklumat lain termasuk bahan di laman web PLC, pengumuman kepada Bursa Malaysia dan mana-mana maklumat yang tersedia secara umum lain termasuk laporan media dan analisis,” jelas MSWG.

Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, Devanesan Evanson, berkata ia adalah peningkatan yang membanggakan terutama dengan mengambil kira bahawa PLC menghadapi pelbagai cabaran perniagaan ekoran pandemik COVID-19.

“Kami gembira dengan hasil penilaian 2021, yang menunjuk-

kan peningkatan Skor CG keseluruhan berbanding 2020, ia bukan kejayaan kecil memandangkan tempoh kacau-bilau yang dihadapi PLC akibat pandemik COVID-19,” katanya dalam kenyataan yang sama.

Beliau berkata, peningkatan konsisten Skor CG purata dalam tempoh lima tahun lalu mencadangkan bahawa semakin banyak syarikat menjajarkan amalan terbaik CG mereka dengan amalan terbaik antarabangsa dan serantau, mengatasi keperluan perundangan negara seperti yang diukur oleh kad skor.

MSWG menjelaskan sepanjang lima tahun lalu, PLC Malaysia menunjukkan peningkatan Skor CG yang konsisten dan kukuh daripada 62.20 mata pada 2017 kepada 83.58 mata pada 2021.

“Aliran meningkat ini juga dicatatkan oleh 100 PLC Teratas dan PLC Pasaran ACE. Peningkatan berterusan ini sememangnya amat memberangsangkan dan bukti bahawa ACGS adalah alat yang berkesan untuk pembaharuan tadbir urus korporat,” katanya.

Bagi 2021, 44 trofi telah dianugerahkan kepada 34 PLC di bawah Anugerah Kecemerlangan bagi Pendedahan CG serta Anugerah Kecemerlangan Industri bagi Pendedahan CG.

BERNAMA

“Kami gembira dengan hasil penilaian 2021, ia bukan kejayaan kecil memandangkan tempoh kacau-bilau dihadapi PLC akibat pandemik COVID-19”

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif MSWG

